



Soalan Lazim mengenai Penetapan Semula Premium/Sumbangan Insuran/Takaful Perubatan

Q1. Apakah langkah-langkah interim yang diumumkan oleh syarikat insurans dan pengendali takaful selepas pengumuman terkini oleh Bank Negara Malaysia?

1. Perubahan premium/sumbangan yang diagihkan (spread out) di masa hadapan

Syarikat insurans dan pengendali takaful akan melaksanakan perubahan premium/sumbangan yang diagihkan (spread out) disebabkan oleh inflasi tuntutan perubatan untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun kepada semua pemegang polisi/peserta takaful yang terkesan disebabkan oleh penetapan semula premium/sumbangan. Dengan langkah ini, sekurang-kurangnya 80% pemegang polisi/peserta takaful dijangka mengalami penetapan semula premium/sumbangan tahunan akibat inflasi tuntutan perubatan menjadi kurang daripada 10%.

(Nota: Langkah-langkah ini tidak termasuk untuk kenaikan premium/sumbangan yang disebabkan perubahan dalam julat usia.)

2. Peruntukan Khas untuk Pemegang polisi/peserta takaful yang berumur 60 tahun ke atas.

Penangguhan selama satu tahun bagi penetapan semula harga premium/sumbangan yang disebabkan oleh inflasi tuntutan perubatan bagi mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan dilindungi di bawah pelan minimum produk. Pemegang polisi/peserta takaful dinasihatkan untuk merujuk dengan syarikat insurans atau pengendali takaful mereka untuk maklumat lanjut mengenai pelan minimum tersebut.

3. Pilihan untuk menguatkuasakan semula Polisi/Sijil.

Pemegang polisi/peserta takaful yang telah menamatkan polisi/sijil mereka atau dimana polisi/sijil MHIT mereka telah luput disebabkan penetapan harga semula pada 2024 layak untuk mengaktifkan semula polisi/sijil mereka tanpa keperluan penilaian semula. Pilihan ini akan tersedia atas permintaan pemegang polisi/sijil.

4. Produk Alternatif MHIT.

Sebagai pelengkap kepada langkah sementara, syarikat insurans dan pengendali takaful akan menawarkan produk MHIT alternatif yang sesuai dengan premium/sumbangan yang sama atau lebih rendah untuk pemegang polisi/peserta takaful yang tidak ingin meneruskan pelan MHIT sedia ada mereka yang mengalami penetapan semula harga. Syarikat insurans dan pengendali takaful yang tidak mempunyai produk alternatif yang sesuai sekarang mesti memastikan produk ini sedia untuk pemegang polisi/peserta takaful sebelum akhir tahun 2025.

5. Talian Sokongan Khusus.

Satu talian bantuan khusus telah ditubuhkan di setiap syarikat insurans dan pengendali takaful untuk memberi panduan, menjawab pertanyaan, dan mencadangkan solusi lain yang sesuai dengan keperluan pemegang polisi/peserta takaful yang terkesan.

Komunikasi mengenai langkah-langkah yang diambil oleh syarikat insurans/pengendali takaful kepada pemegang polisi/peserta takaful akan berlangsung secara berperingkat.

Pemegang polisi/peserta takaful boleh menghubungi syarikat insurans/pengendali takaful mereka untuk mendapatkan maklumat bermula dari 15 Januari 2025 .

Q2. Bagaimana cara kenaikan premium/sumbangan berperingkat berfungsi?

Ini adalah fleksibiliti yang ditawarkan oleh syarikat insurans dan pengendali takaful untuk menaikkan premium/sumbangan secara berperingkat selama tempoh minimum tiga tahun. Ini akan memberi ruang kepada pemegang polisi/peserta takaful untuk menguruskan kenaikan premium/sumbangan. Fleksibiliti ini hanya sementara untuk membantu pemegang polisi/peserta takaful dalam membayar premium/sumbangan mereka.

Q3. Adakah saya layak untuk penetapan semula premium/sumbangan secara berperingkat ini?

Ya, jika anda telah dikenakan penetapan semula harga premium/sumbangan antara 2024 hingga 2026.

Jika polisi/sijil anda telah melalui penetapan semula harga dalam tahun 2024, anda boleh menghubungi syarikat insurans atau pengendali takaful anda bermula pada 15 January 2025 untuk maklumat lanjut.

Jika polisi/sijil anda akan melalui penetapan semula harga bermula dari 1 Januari 2025, anda akan menerima maklumat terkini dari syarikat insurans atau pengendali takaful anda dalam masa terdekat.

Langkah-langkah interim ini tidak berkaitan dengan kenaikan premium/sumbangan yang mungkin dikenakan oleh kenaikan umur pemegang polisi/peserta takaful yang telah beralih kepada julat umur yang berbeza.

Q4. Jika saya telah menerima pemberitahuan penetapan semula premium/sumbangan pada 2024 dan premium/sumbangan baru yang telah ditetapkan semula belum berkuatkuasa, adakah saya layak untuk premium/sumbangan yang diagihkan (spread out)?

Ya. Syarikat insurans/pengendali takaful anda akan mengeluarkan pemberitahuan baru berdasarkan premium/sumbangan yang diagihkan (spread out). Sila rujuk kepada syarikat insurans atau pengendali takaful anda untuk maklumat lanjut.

Sila hubungi syarikat insurans atau pengendali takaful anda untuk maklumat lanjut bermula dari 15 Januari 2025.

Q5. Apa patut saya lakukan jika premium/sumbangan saya telah mengalami penetapan semula harga dan saya telahpun mula membayar harga baru pada 2024?

Jika polisi/sijil anda telah melalui penetapan semula harga dalam tahun 2024, anda boleh menghubungi Syarikat insurans atau pengendali takaful anda bermula pada 15 Januari 2025 untuk menggunakan manfaat langkah-langkah interim bagi bayaran premium/sumbangan masa hadapan.

Q6 Bolehkah saya memohon untuk kenaikan premium/sumbangan yang diagihkan (spread out) jika saya telah membatalkan polisi/sijil saya atau polisi/sijil saya telah luput?

Pemegang polisi/peserta takaful yang telah membatalkan atau polisi/sijil MHIT yang telah luput disebabkan penetapan semula harga pada 2024 boleh menghubungi syarikat insurans atau pengendali takaful masing-masing untuk memohon pengaktifan semula dengan kenaikan premium/sumbangan yang diagihkan (spread out) tanpa perlu penilaian semula tambahan. Pengaktifan semula di bawah langkah ini tersedia atas permintaan pemegang polisi/sijil.

Q7. Saya tidak mempunyai polisi insurans/sijil takaful buat masa ini. Bolehkah saya membeli insurans/menyertai takaful dengan penetapan semula premium/sumbangan secara berperingkat?

Langkah sementara ini hanya berkaitan kepada pemegang polisi/peserta takaful sedia ada yang terkesan oleh penetapan semula harga pada 2024-2026.

Q8. Saya berumur 60 tahun pada September 2024, adakah saya layak untuk penangguhan sementara? Bagaimana jika saya masuk umur 60 tahun dalam tahun 2025/2026?

Jika anda berumur 60 tahun keatas pada tarikh ulangtahun polisi/sijil dimana penetapan semula harga telah berlangsung dan dilindungi oleh pelan minima dalam produk MHIT yang telah ditetapkan semula harga, anda layak untuk penangguhan perubahan harga selama setahun. Syarikat insuran dan pengendali takaful akan mengeluarkan surat kepada setiap pemegang polisi/peserta takaful yang layak.

Langkah ini tidak berkaitan dengan pemegang polisi/peserta takaful yang berumur 60 tahun keatas tetapi bukan dilindungi oleh pelan minima.

Langkah interim ini tidak berkaitan dengan kenaikan premium/sumbangan yang mungkin dikenakan oleh kenaikan umur pemegang polisi/peserta takaful yang telah beralih kepada julat umur yang berbeza.

Q9. Apakah yang dimaksudkan dengan “pelan minima MHIT” ini?

Pelan minima bermaksud pelan yang paling rendah dalam produk MHIT yang ditawarkan oleh syarikat insurans atau pengendali takaful. Sebagai contoh, syarikat insurans atau pengendali takaful mungkin menawarkan beberapa pelan dalam sebuah produk MHIT, dan pelan-pelan itu berbeza dari segi harga kemasukkan hospital (R&B) ataupun had maksima tahunan.

Q10. Mengapa premium/sumbangan saya meningkat walaupun saya belum membuat sebarang tuntutan?

Syarikat insurans/pengendali takaful beroperasi berdasarkan konsep pengumpulan risiko. Apabila anda mengambil pelan perubatan, anda menyertai kumpulan pelanggan yang lebih besar yang mempunyai ciri atau profil risiko yang serupa dengan anda. Premium insurans/sumbangan takaful yang dibayar oleh anda dan semua pelanggan lain dalam kumpulan tersebut akan dikumpulkan untuk menyediakan dana bagi tuntutan masa depan. Jika tuntutan yang dibayar daripada kumpulan tersebut menjadi lebih tinggi daripada yang dijangka, dari masa ke masa syarikat insurans/pengendali takaful mungkin perlu menetapkan semula jumlah premium/sumbangan bagi memastikan semua pelanggan dalam kumpulan tersebut dapat terus dilindungi dalam jangka masa panjang (tanpa mengira sama ada anda telah membuat tuntutan atau tidak).

Q11. Mengapa premium/sumbangan insurans/takaful perubatan saya meningkat?

Premium/sumbangan insurans perubatan/takaful disemak secara berkala kerana peningkatan kos penjagaan kesihatan dan peningkatan jumlah pemegang polisi/peserta takaful yang pergi ke hospital, yang menyebabkan peningkatan dalam tuntutan. Syarikat insurans/pengendali takaful perlu menyesuaikan premium/sumbangan untuk memastikan tuntutan dapat dibayar, supaya mereka boleh terus memberikan perlindungan yang anda perlukan.

Q12. Adakah premium/sumbangan insurans/takaful perubatan saya akan meningkat seiring usia saya?

Ya, adalah perkara biasa bagi premium/sumbangan insurans perubatan/takaful meningkat dengan usia, kerana individu yang lebih tua berkecenderungan mempunyai keperluan penjagaan kesihatan yang lebih tinggi dan lebih cenderung membuat tuntutan. Penanggung insurans/pengendali takaful mungkin akan menyesuaikan premium/sumbangan berdasarkan usia pemegang polisi/sijil. Ini telahpun dijelaskan dengan penuh dalam terma dan syarat polisi/sijil.

Q13. Apakah faktor yang menyebabkan kos perubatan meningkat?

- i. Rawatan perubatan yang canggih, prosedur baru, dan ubat-ubatan yang lebih baik adalah mahal.
- ii. Hospital swasta melabur dalam peralatan, bekalan, dan ubat-ubatan yang diimport dan terkini.
- iii. Peningkatan penyakit tidak berjangkit (seperti diabetes, kolesterol tinggi, dan obesiti) memerlukan rawatan jangka panjang dan kemasukan ke hospital.
- iv. Individu yang lebih tua biasanya memerlukan rawatan perubatan yang lebih kerap dan mahal.
- v. Manfaat polisi/sijil yang sering meningkat menyebabkan lebih banyak tuntutan, meningkatkan kos.

Q14. Adakah semua syarikat insurans/pengendali takaful menaikkan premium/sumbangan pada masa yang sama?

Tidak, setiap syarikat insurans/pengendali takaful menyesuaikan premium/sumbangan berdasarkan pengalaman tuntutan masing-masing dan inflasi perubatan.

Q.15. Bagaimanakah kelestarian langkah-langkah interim dan bagaimana ia akan memberi kesan kepada premium/sumbangan saya dalam jangka masa panjang?

Walaupun kenaikan premium/sumbangan yang diagihkan (*spread out*) memberi kelegaan yang serta merta kepada pemegang polisi/peserta takaful, hakikatnya adalah kadar premium/sumbangan akan memerlukan perubahan yang mendadak dalam masa terdekat kecuali perubahan sistematik diusahakan di seluruh ekosistem penjagaan kesihatan.

Memandangkan kadar premium/sumbangan semasa tidak mencukupi, syarikat insuran dan pengendali takaful mungkin perlu mempertingkatkan initiative pembendungan kos sebagai salah satu komitmen pihak industry untuk menyediakan penjagaan Kesihatan yang mudah diperolehi, murah dan efektif.

Bagaimanapun ini tidak mencukupi, dan pihak industry menegaskan perlunya pendekatan “keseluruhan negara” untuk menangani peningkatan kos rawatan perubatan dengan penyertaan yang kukuh daripada semua hospital, doktor, serta sokongan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Langkah ini, termasuk pengurangan kos farmaseutikal melalui penggunaan ubat generik yang lebih tinggi, mengawal penggunaan ujian diagnostik yang berlebihan dan ketelusan harga dalam masa terdekat, serta pelaksanaan inisiatif Diagnosis-Related Group (DRG) tidak lama lagi. Semua usaha ini amat perlu untuk memastikan kelestarian ekosistem penjagaan Kesihatan serta akses yang adil dan saksama kepada penjagaan Kesihatan mampu milik untuk semua lapisan Masyarakat.

Q16. Bagaimana jika saya tidak mampu untuk membayar premium/sumbangan saya?

Jika premium/sumbangan semakin tidak mampu dibayar, anda mempunyai pilihan:

- a. **Tukar kepada pelan yang lebih rendah:** Ini akan mengurangkan premium/sumbangan anda tetapi dengan manfaat yang lebih rendah. Sila berunding dengan ejen anda untuk memastikan ia masih memenuhi keperluan anda.
- b. **Tukar kepada pelan dengan pilihan bayaran bersama (co-payment) yang boleh merangkumi potongan/bayaran bersama (deductible/co-insurance) atau kedua-duanya:** Anda bersetuju untuk membayar peratusan tertentu daripada bil hospital bagi mengurangkan premium/sumbangan insurans/takaful anda.

Anda boleh menghubungi syarikat insurans atau pengendali takaful anda untuk bantuan lanjut.

Q17. Adakah polisi saya akan luput jika saya tidak dapat membayar premium/sumbangan?

Sekiranya anda gagal membayar premium/sumbangan untuk produk tunggal, polisi insurans/sijil takaful anda boleh luput, yang akan mengakibatkan kehilangan perlindungan dan kemungkinan menjejaskan kewangan di masa hadapan. Namun, anda mungkin mempunyai tempoh lanjutan di mana anda masih boleh membuat pembayaran tanpa kehilangan perlindungan.

Jika polisi/sijil luput, anda mungkin boleh menyambung semula polisi/sijil tersebut, walaupun ini mungkin melibatkan bayaran tambahan atau premium/sumbangan yang lebih tinggi. Untuk mengelakkan polisi/sijil luput, adalah penting untuk memastikan pembayaran dilakukan tepat pada masanya dan berbincanglah dengan syarikat insurans atau pengendali takaful anda jika menghadapi kesulitan kewangan.

Untuk polisi/sijil yang berkait pelaburan, perlindungan perubatan anda akan terus berkuat kuasa selagi terdapat nilai tunai yang mencukupi dalam polisi/sijil untuk menampung potongan bagi perlindungan perubatan anda.

(Nota: Salah satu daripada langkah interim adalah pemegang polisi/peserta takaful yang luput akibat perubahan harga pada tahun 2024 boleh menghubungi syarikat insurans atau pengendali takaful untuk memohon pengaktifan semula tanpa keperluan penilaian semula).

Q18. Apakah syarat untuk saya mengaktifkan semula polisi/sijil saya?

Mengaktifkan semula polisi insurans/sijil takaful yang tamat tempoh biasanya melibatkan pembayaran premium/sumbangan tertunggak, dan memenuhi kriteria lain yang ditetapkan oleh syarikat insurans/pengendali takaful. Adalah penting untuk bertindak segera bagi memastikan perlindungan anda dapat dipulihkan, kerana syarikat insurans/pengendali takaful mungkin mengenakan sekatan atau menolak

permohonan pemulihan jika tempoh tamat terlalu lama atau jika keadaan kesihatan anda semakin merosot. Sentiasa semak dengan syarikat insurans/pengendali takaful anda untuk memahami syarat dan tarikh akhir pemulihan yang tertentu.

Bagaimanapun, bagi pemegang polisi/peserta takaful yang telah menebus atau yang polisinya/sijilnya telah tamat tempoh akibat penetapan semula harga pada 2024, mereka boleh mengaktifkan semula polisi/sijil mereka atas permintaan tanpa perlu pemeriksaan kesihatan tambahan berdasarkan kenaikan jumlah premium/sumbangan yang telah disesuaikan/berperingkat. (Ini hanya tersedia di dalam tempoh langkah sementara.)

Q19. Bagaimana saya boleh menghubungi syarikat insurans/pengendali takaful saya?

Untuk maklumat lanjut, pemegang polisi/peserta takaful digalakkan untuk menghubungi syarikat insurans atau pengendali takaful masing-masing. Butiran lanjut akan dimuat naik di laman web Persatuan:

[Life Insurance Association Malaysia](#)

[Malaysian Takaful Association](#)

[Persatuan Insurans Am Malaysia](#)